

Awat! Robot Xavier pantau 'tingkah laku'



ROBOT Xavier melakukan rondaan di Toa Payoh. – MEDIACORP

Oleh WARTAWAN LUAR NEGARA 7 September 2021, 7:45 am

SINGAPURA: Penduduk negara ini kini perlu lebih berhati-hati kerana sebuah robot akan meronda di kawasan awam yang sesak bagi mengesan kesalahan seperti merokok, meletakkan basikal sembarangan dan menjaja secara haram.

Lapor Berita Mediacorp, robot bernama Xavier akan menjalankan rondaan di Toa Payoh sepanjang tempoh tiga minggu dengan sesi percubaan bermula kelmarin.

Agensi Sains dan Teknologi Home Team (HTX) berkata, Toa Payoh dipilih kerana terdapat ramai pejalan kaki dan tingkah lalu tidak diingini yang dikesan oleh pegawai awam di kawasan tersebut.

Jelasnya, robot itu akan mengesan tingkah laku tidak diingini dengan menghantar maklumat kepada pusat arahan dan kawalan serta mempamerkan pesanan di papan pemukanya bagi mendidik orang awam mencegah tingkah laku yang dilarang.

Sebagai contoh, apabila Xavier mendapati seseorang merokok di kawasan larangan, ia akan menunjukkan pesanan di papan pemuka interaktifnya selain menyampaikan pesanan audio untuk menyuruh perokok berhenti.

Apabila robot itu terlihat individu berkumpul dalam kumpulan melebihi lima orang, ia akan menyuruh mereka mematuhi langkah-langkah pengurusan selamat seperti memastikan jarak satu meter antara satu sama lain.

Xavier bergerak pada kelajuan lima kilometer sejam (km/j) sementara rakaman video daripada kameranya pula dihantar ke pusat kawalan dalam masa sama, sekali gus membolehkan pegawai awam memantau beberapa robot serentak.

Pegawai boleh memberikan tindak balas terhadap sebarang insiden di lapangan menerusi interkom dua hala atau menggunakan pesanan audio yang sudah direkod terlebih dahulu.

Xavier turut mempunyai pelbagai jenis sensor yang boleh membantunya bergerak di ruang awam sendiri sambil mengelak daripada halangan seperti pejalan kaki dan kenderaan lain di laluan.

BERITA SELANJUTNYA

by



Pengguna tiada pilihan
beli di kedai runcit lebih...



Tindakan tatatertib
terhadap guru enggan...



Latif masuk call room
lebih awal



Pelaburan Bitcoin
RM1 000 Yang Membu



Remaja wanita terjun
bangunan selepas diculik



4 negara dijangka
bersaing tender 400



Minta maaf ustaz, saya



Ramai nak tunjuk pandai,



Lembah Klang bakal fasa

POPULAR



Perlu rujuk kepada Presiden PKR

7 September 2021, 11:57 am



Peguam Negara boleh dipanggil Dewan Rakyat

7 September 2021, 11:53 am



"Kamu lahir pada tarikh kemenangan" – Issey namakan anak Faaeq Fathian

7 September 2021, 11:50 am



Isu Gaza: Polis panggil Caprice semula jika perlu

7 September 2021, 11:48 am

KASA tetapkan 10 sasaran buktikan pencapaian awal 100 hari

Masa tu suami masih sekolah – Ella

Nenek dapat Starbucks lepas cucuk vaksin

45 individu ditahan terlibat aktiviti dadah dalam ladang kelapa sawit

Pengembala lembu mengaku tidak bersalah bunuh kerani

Isu nyahwarta hutan simpan kekal: JAS belum terima laporan EIA

BERITA BERKAITAN



Perlu rujuk kepada Presiden PKR

7 September 2021, 11:57 am





Pegum Negara boleh dipanggil Dewan Rakyat

7 September 2021, 11:53 am




“Kamu lahir pada tarikh kemenangan” – Issey namakan anak Faaeq Fathian

7 September 2021, 11:50 am



Isu Gaza: Polis panggil Caprice semula jika perlu

7 September 2021, 11:48 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami